



# ABU THURAYYA SEMANGAT YANG HILANG

DI SAAT RAMAI GADIS TERUTAMANYA DI MALAYSIA MENGADAKAN ACARA BERKABUNG SEMPENA MEMPERINGATI KEMATIAN PENYAYI K-POP KESAYANGAN MEREKA AKIBAT BUNUH DIRI PADA 18 DISEMBER 2017. SEBENARNYA ADA SATU LAGI KEMATIAN YANG BERLAKU BEBERAPA HARI SEBELUM ITU YANG JUGA SEHARUSNYA 'DIADAKAN' MAJLIS MEMPERINGATI KEMATIANNYA, IAITU ABU THURAYYA.

**“DI SEBALIK KECACATANNYA  
ITU TIDAK LANGSUNG  
MENCATKAN  
AZAMNYA UNTUK TERUS  
MEMPERTAHKAN  
BUMI PALESTIN APABILA  
ADA LAPORAN YANG  
MENGATAKAN, IBRAHEEM  
SELALU KESEORANGAN  
PERGI KE SEMPADAN UNTUK  
MENGIBARKAN BENDERA”**



*"Tolong jangan lihat pada kecacatan badan saya, tetapi lihat pada tugas yang telah saya lakukan. Saya tidak pernah mengalah. Ini bukanlah pengakhiran dunia dan hidup mesti diteruskan." - Ibraheem Abu Thurayya*

**Y**a, mereka sama. Kim Jong-hyun dan Abu Thurayya keduanya anak muda tetapi yang membezakan mereka adalah semangat dan cara kematian.

Ibraheem Abu Thuraya, pemuda Palestin yang berusia 29 tahun yang tinggal di Kem Pelarian Shati Gaza. Pada 2008, beliau kehilangan kedua-dua belah kaki akibat daripada serangan udara yang tentera Israel yang sememangnya menyasarkan dirinya yang pada ketika itu, menaik dan mengibarkan bendera Palestin di sepanjang sempadan.

Sungguhpun telah kehilangan kedua belah kaki sehingga ke paras paha, namun ia tidak melunturkan semangatnya untuk terus bersama-sama dengan aktivis Palestin setiap kali bantahan diadakan.

Semenjak daripada itu, kehidupannya banyak dihabiskan di atas kerusi roda, tetapi dia tidak hidup atas simpati orang lain sahaja. Masih menggunakan kudrat dua belah tangan untuk menolak kerusi roda dia tetap gigih mencari sesuap nasi menjadi seorang pencuci kereta.

## PEJUANG TANAH AIR

Di sebalik kecacatannya itu tidak langsung mencatikan azamnya untuk terus mempertahankan bumi Palestin apabila ada laporan yang mengatakan, Ibraheem selalu keseorangan pergi ke sempadan untuk mengibarkan bendera.

Semangat itu semakin menyala-nyala apabila dia turut serta dalam Bantahan Jumaat di sempadan selepas Presiden Amerika Trump mengumumkan akan mengiktiraf Jeruselum sebagai ibu negara Israel.

Perkara itu membangkitkan kemarahan seluruh dunia lebih-lebih lagi rakyat Palestin kerana ia seolah-olah Israel merampas tanah suci umat Islam.

Maka pada 15 Disember, Ibraheem yang berkerusi roda bersama-sama rakan aktivis lain berjalan menuju ke sempadan. Dalam rakaman video beberapa minit sempat merakamkan aksi beliau mengibarkan bendera Palestin kepada tentera Israel tanda kemenangan.

Dia juga sempat berteriak "Ini tanah kami, kami tidak akan berputus asa. Amerika mesti menarik balik pengiktirafan tersebut!"

Sejurus selepas itu tentera Israel menggunakan gas pemedih mata untuk menyuraukan aktivis-aktivis Palestin dan ketika itulah juga Ibraheem dilihat merangkak-rangkak di atas rumput sebelum penembak Israel menyasarkan peluru tepat ke kepalanya.

Kalau mengikut logik akal, dia bukanlah manusia yang berbahaya kerana pada waktu itu dia hanyalah pemuda yang berkerusi roda tidak berkemampuan, malahan tidak memegang senjata. Tetapi mungkin kerana semangat untuk mempertahankan negara itu lebih menggerunkan musuh, lalu dia dihapuskan.

*Biography - General*

*Pg. 76-77*